

**MCA Buka Ruang Lebih Luas Kepada Penyertaan Golongan Muda
Bernama
23 Jun, 2013**

IPOH, 23 Jun (Bernama) -- Selepas menerima tamparan hebat pada pilihan raya umum lepas, MCA yang bertekad melaksanakan transformasi demi masa depannya mahu membuka ruang lebih luas kepada golongan muda untuk menyertai parti itu.

Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata semua anggota sedia ada perlu berfikiran terbuka terhadap langkah itu yang akan membantu transformasi MCA dengan pelbagai idea segar daripada golongan muda.

"Saya dengan seikhlas hati merayu kepada golongan muda Cina agar tampil membantu parti, bantulah kami untuk melakukan transformasi parti. Kami akan sediakan platform, kami sediakan perkara yang perlu bagi cawangan atau kawasan untuk mereka melakukan transformasi parti," katanya kepada pemberita selepas mengadakan dialog tertutup bersama anggota MCA di sini Ahad.

Beliau berkata idea dan cadangan golongan muda boleh menjadikan MCA lebih dinamik sesuai dengan perubahan masa kerana masa depan adalah untuk mereka.

"Bagi kami sebagai pemimpin, masanya akan tiba untuk kami meninggalkan parti dan anak muda inilah yang akan mengambil alih parti demi masa depan negara serta generasi akan datang," katanya.

Beliau berkata MCA perlu mencorak dan melakukan perubahan parti yang bukan sahaja dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat malah menjadi parti yang mempunyai kebolehan serta keupayaan untuk menang pada setiap pilihan raya.

Liow berkata selepas mengalami kekalahan buruk pada pilihan raya umum lepas, MCA kini perlu memenuhi aspirasi golongan muda dengan mengambil kira pandangan serta cadangan mereka bagi menghadapi pilihan raya akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=958145>